

04/06/1997

Genting tingkatkan kemudahan

Kadir Dikoh

GENTING Bhd (Genting) yang memiliki dan memajukan Genting Highlands Resort, memperkukuhkan lagi pusat itu sebagai pusat peranginan terunggul di rantau ini dan bersedia menerima kunjungan pelancong dari merata dunia.

Ini berikutan beberapa projek mengikut rancangan pembangunan lima tahunnya serta projek pelancongan baru, siap dilaksanakan baru-baru ini, termasuk hotel baru 888 bilik dikenali sebagai Hotel Highlands.

Pengerusi merangkap Pengarah Urusan bersama Genting, Tan Sri Lim Goh Tong, berkata hotel baru itu bersama empat hotel sedia ada, menjadikan bilangan bilik hotel di pusat rekreasi popular itu meningkat kepada kira-kira 3,400.

"Kerja mengubahsuai 550 bilik di hotel baru ini, berjaya meningkatkan kemudahannya bertaraf lima bintang. Demi mematuhi piawaian dalam industri ini dan juga sebagai usaha memenuhi keperluan pelanggan, beberapa buah bilik diubahsuai dan direka bentuk semula dengan ciri keselamatan bagi orang cacat.

"Sebuah bilik istirehat tetamu yang lengkap dengan kaunter penyambut tetamu pula dibina di Hotel Resort untuk mengurus kumpulan pelancong," katanya dalam laporan tahunan 1996 Genting yang dikeluarkan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bagaimanapun kata beliau, keseluruhan hotel di Genting Highlands Resort mencatat sedikit penurunan bagi kadar purata penginapannya iaitu daripada 80 peratus pada 1995 kepada 79 peratus tahun lalu.

Namun katanya, dalam jangka masa yang sama, jumlah bilik disewa meningkat 21 peratus manakala kadar purata bilik daripada RM91 sebilik satu malam.

Lim berkata, taman hiburan luar dan dalam di situ juga diperbesarkan, seiring dengan wawasan untuk menyediakan sebuah pusat peranginan bersepadu dan ceria - sesuai untuk setiap ahli keluarga.

"Taman hiburan itu, yang pertama seumpamanya di rantau ini berazam untuk menyediakan tarikan yang sentiasa digemari serta hiburan sepanjang tahun semata-mata untuk keseronokan semua ahli keluarga," katanya.

Beliau berkata, selaras dengan komitmen untuk mengekalkan Genting Highlands Resort sebagai pusat peranginan terunggul di negara ini, kerja menaikkan taraf serta pengubahsuaian sentiasa dijalankan.

Katanya, tarikan serta permainan baru dan menyeronokkan sentiasa diperkenal setiap tahun untuk memenuhi keperluan serta jangkaan pelawat yang datang ke situ.

Selain itu, Genting juga memperkenalkan sistem kereta kabel baru, "Genting Skyway" yang menjadi satu laluan tambahan ke pusat peranginan itu. Pembinaan sistem itu menelan belanja RM128 juta dan berjaya disiapkan dalam masa 12 bulan yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Februari lalu.

"Sistem kereta kabel menggunakan tenaga elektrik ini tidak memudaratkan alam sekitar dan kehijauan bukit-bukau. Ia dibuat dengan teliti untuk memastikan keselamatannya. Semua kaedah dan tatacara keselamatan yang digunakan oleh sistem ini mematuhi piawaian keselamatan Swiss yang ketat," katanya.

Mengenai pembangunan hartanah dikendalikan oleh kumpulan itu, beliau berkata kelulusan muktamad bagi projek Indahpura di Johor, projek hartanah terbesar dikendalikannya, diperolehi pada separuh pertama 1996 dengan sambutan mengalakkan daripada pembeli lot kedai dan perindustrian di situ.

Projek itu menawarkan 2,000 unit rumah kediaman dengan lot pertama bagi unit kediaman bukan Bumiputera yang dilancarkan Januari lalu, habis dijual dalam masa beberapa hari sahaja.

Katanya, sektor hartanah dalam kumpulan itu juga berjaya menyempurnakan pembelian Setiamas Sdn Bhd, sebuah syarikat berasaskan peladangan yang memiliki 394 hektar pegangan bebas yang menjadi sebahagian projek Indahpura.

Bagaimanapun katanya, usaha kerajaan pada akhir 1995 untuk mengawal industri pembangunan hartanah yang kian hangat, memberi kesan kepada projek lain kumpulan terutama di Permaipura, Bedong, Kedah apabila jualan semasa pelancaran kurang mendapat sambutan.

(END)